

Gema Cipta UMS

kembali gegar Sabah

UR 18.8.2016 B12

SEKALI lagi Pertandingan Gema Cipta 2016 anjuran pelajar Tahun 2 Program Seni Muzik, Fakulti Kemanusiaan Seni dan Warisan Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan menggegar Sabah.

Pertandingan ini bertujuan mendedahkan keindahan seni muzik sebagai salah satu cabang industri kreatif.

Setiap peserta boleh menghantar tiga lagu dalam bentuk mp3/aplikasi android dalam hp. Setiap lagu penyertaan hendaklah diiringi sekurang-kurangnya satu alat muzik.

Menurut jurucakap penganjur Vincent Justin, pertandingan itu telah pun dibuka kepada orang ramai sejak 5 Mei 2016 dan penyertaan akan ditutup pada 28 September 2016.

“Untuk menyertai pertandingan, orang ramai boleh ‘Share dan Like’ Facebook page kami iaitu GEMA CIPTA 2016 dan ‘follow up’ kami di Instagram. Seterusnya muat turun borang penyertaan Gema Cipta 2016 dari Facebook page kami.

“Semua lagu akan dinilai oleh para panel yang mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam bidang muzik dan keputusan hakim adalah muktamad,” katanya.

Katanya hanya 10 lagu terbaik akan berentap di pentas akhir, iaitu pada 22 Oktober 2016, jam 7 malam bertempat di Dewan Resital UMS.

Vincent berkata juara pertandingan Gema Cipta 2016 akan membawa pulang RM2,000 beserta sijil dan trofi. Manakala, tempat kedua RM1,500 beserta sijil dan trofi dan ketiga RM1,000 beserta sijil dan trofi.

Peserta yang lain akan diberi hadiah saguhati berjumlah RM 200 beserta sijil penyertaan.

“Orang ramai juga dijemput untuk menyaksikan konsert akhir Gema Cipta 2016 pada 22 Oktober 2016 di Dewan Resital FKSU UMS pada jam 7 malam. Masuk adalah percuma,” katanya.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Gema Cipta
2016

7:00 PTG HINGGA 11:00 MLM
22 OKTOBER 2016 (SABTU) | DEWAN RESITAL UMS

HADIAH LUMAYAN MENANTI ANDA!

TEMPAT PERTAMA: RM 2000
TEMPAT KEDUA : RM 1500
TEMPAT KETIGA : RM 1000
TEMPAT KEEMPAT SEHINGGA KESEPULUH: RM 200

SYARAT SYARAT PENYERTAAN:

1. TERBUKA KEPADA SEMUA YANG MENETAP DI SABAH.
2. YURAN PENYERTAAN ADALAH RM50 UNTUK SATU LAGU. LAGU YANG DICIPTA HENDAKLAH TULEN DAN BELUM PERNAH DIMAINKAN DI RADIO.
3. TARICHTUTUP PENYERTAAN PERTANDINGAN ADALAH PADA 28 SEPTEMBER 2016.
4. TEMA CIPTAAN LAGU ADALAH BEBAS, SAMA ADA DALAM BAHASA MELAYU ATAU PUN BAHASA INGERIS, DAN TIDAK MEMBERIKAN SEBARANG UNSUR NEGATIF.
5. BORANG PENYERTAAN BERTERAJUAN KETERANGAN LANJUT BOLEH LAYARI DI LAMAN PAGE FACEBOOK KAMI: GEMA CIPTA UMS 2016 ATAU SILA HUBUNGI PIHAK PENGAJARAN SEPERTI YANG TERPERA.

016 9801109 (JANE) | 0113 1669607 (AZIRAH)

facebook.com/gemacipta2016 @gemacipta2016 gemacipta2016@gmail.com